KARYA ILHAM PUBLISHING
CONNECTING MINDS, BRIDGING IDEAS, INSPIRING READERS

Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index
ISSN: 2462-1951



Pembentukan Makna Diri dalam Wacana Disforia Gender di Era Digital: Pedoman Risalah al-Nur bagi Kesejahteraan Insan

The Formation of Self-Meaning within the Discourse on Gender Dysphoria in the Digital Age: The Risalah al-Nur Perspective for Human Well-being

Mahfuzah Mohammed Zabidi[1,*], Fatin Nabilah Abdul Wahid[1], Aishah Azlan[1], Asmaa' Mohd Arshad[1], Nasharudin Mohamed[1], Sadik Ozata[2]

[1] Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
[2] Pertubuhan Pemikiran Badiuzzaman dan Risalah An-Nur, Taman Samudra, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 1 October 2026
Received in revised form 6 November 2026
Accepted 10 November 2026
Available online 20 November 2026

Keywords:

ABSTRACT

Kajian ini meneliti pembentukan makna diri dalam wacana disforia gender era digital berdasarkan pemikiran dalam Risalah al-Nur. Dalam ruang digital, pengalaman ketidakselesaan terhadap gender dan naratif komuniti dalam talian dapat mempengaruhi cara seseorang memahami dirinya. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang hubungan antara pengalaman yang dirasai, tafsiran terhadap pengalaman tersebut dan kesimpulan tentang identiti diri. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis dokumen, pembacaan tematik dan analisis konseptual terhadap lapan bab terpilih Risalah al-Nur. Analisis menghasilkan empat prinsip pemaknaan diri iaitu memahami diri melalui hubungan dengan Allah; membezakan pengalaman daripada tafsirannya; memahami tubuh dan penderitaan dalam kerangka amanah dan ujian; serta menilai makna diri berdasarkan kebenaran dan tujuan kehidupan. Prinsip-prinsip ini membentuk kerangka untuk meneliti naratif digital tentang disforia gender secara teliti dan beradab, tanpa mengabaikan pengalaman individu yang mengalaminya. Kajian ini menyumbang suatu asas konseptual kepada Pendidikan Islam untuk membimbing refleksi diri, pembacaan kritis terhadap naratif digital dan dialog secara berperingkat. Kerangka ini berpotensi menyokong pencarian makna diri dan kesejahteraan menurut pandangan alam Islam.

*This study examines the construction of self-meaning within the discourse on gender dysphoria in the digital age, drawing upon the ideas presented in the *Risalah al-Nur*. In the digital sphere, the experience of gender-related discomfort—coupled with narratives from online communities—can shape how an individual perceives themselves. This situation raises questions regarding the relationship between lived experience, the interpretation of that experience, and the subsequent conclusions drawn about one's own identity. Employing a qualitative approach, this study utilizes document analysis, thematic reading, and conceptual analysis of eight selected chapters from the *Risalah al-Nur*. The analysis yields four principles for constructing self-meaning: understanding the self through one's relationship with God; distinguishing between an experience and its interpretation; viewing the body and suffering within the framework of a divine trust (*amanah*) and a test (*ujian*); and evaluating the meaning of the self based on the truth and purpose of life. These principles provide a framework for examining digital narratives surrounding gender dysphoria in a rigorous and respectful manner, without disregarding the lived*

* *Corresponding author.*
E-mail address: mahfuzah3051@uitm.edu.my

Makna diri; disforia gender; Risalah Al-Nur; era digital; Pendidikan Islam

Sense of self; gender dysphoria; Risalah Al-Nur; digital era; Islamic education

experiences of the individuals involved. This study contributes a conceptual foundation for Islamic education, offering guidance for self-reflection, the critical interpretation of digital narratives, and structured, incremental dialogue. This framework holds the potential to support the pursuit of self-meaning and well-being in alignment with an Islamic worldview.

1. Pengenalan

1.1 Era Digital sebagai Ruang Pembentukan Makna Diri

Era digital menyediakan ruang untuk seseorang mencari istilah, berkongsi pengalaman dan memperoleh respons daripada orang lain. Bagi individu yang mengalami disforia gender, ketidakselesaan berkaitan dengan jantina yang ditetapkan ketika lahir mungkin merupakan pengalaman yang sukar dihuraikan. Komuniti dalam talian membolehkan mereka membaca kisah individu lain, mengetahui pelbagai cara pengalaman tersebut dijelaskan dan meneroka pemahaman tentang diri. Kajian Craig dan McInroy [1] menunjukkan bahawa media digital berperanan dalam penerokaan identiti dan penyediaan maklumat serta sokongan sosial kepada belia lesbian, gay, biseksual, transgender dan queer (LGBTQ). Oleh itu, pengalaman yang dikongsikan dalam talian bukan sekadar disampaikan kepada orang lain, malah bahasa dan respons yang diterima turut dapat mempengaruhi cara pengalaman itu ditafsirkan.

Dalam konteks Malaysia, Zuraidah dan rakan-rakan [2] telah membincangkan isu transgender dari perspektif psikospiritual Islam serta menekankan kepentingan bimbingan dan sokongan sosial. Kajian Kauthar Razali dan rakan-rakan [3] pula menyentuh tentang pembentukan identiti ateis Melayu yang memperlihatkan, bagaimana interaksi dan pendedahan kepada wacana digital dapat mempengaruhi proses pembentukan pemahaman tentang diri seseorang. Kedua-dua kajian ini memberikan konteks tempatan yang penting, tetapi belum menjawab persoalan khusus tentang bagaimanakah pengalaman ketidakselesaan, tafsiran yang berlegar komuniti digital dan pemahaman tentang hakikat diri dapat diteliti melalui kerangka pemikiran Islam.

Jawapan persoalan tersebut memerlukan keupayaan untuk membezakan dengan jelas antara pengalaman yang benar-benar dirasai dan makna identiti yang diberikan kepada pengalaman itu. Proses membezakan ini tidak bermaksud meremehkan kesukaran individu yang mengalami disforia gender. Sebaliknya, proses membezakan kedua-dua perkara tersebut membolehkan pengalaman golongan ini didengar dengan teliti dan tafsiran tentang diri mereka dibincangkan secara reflektif dan beradab. Risalah al-Nur menawarkan asas untuk perbincangan tersebut melalui renungannya tentang kedudukan insan, hubungannya dengan Allah dan tujuan kehidupan. Artikel ini menganalisis pembentukan makna diri dalam wacana disforia gender era digital dan merumuskan pedoman konseptual daripada Risalah al-Nur bagi Pendidikan Islam. Tumpuannya ialah bimbingan refleksi diri, pembacaan kritis terhadap perbincangan dalam komuniti digital dan dialog berperingkat secara beradab dan berhikmah sebagai asas perbincangan tentang kesejahteraan insan.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam wacana disforia gender, pengalaman ketidakselesaan terhadap tubuh atau identiti diri sering dikongsikan dan dibincangkan dalam ruang digital. Melalui perbandingan pengalaman serta respons komuniti, seseorang dapat menemukan bahasa untuk menjelaskan apa yang dirasainya. Namun, pengalaman subjektif itu sendiri tidak semestinya menjelaskan keseluruhan makna dirinya yang sebenar. Artikel ini meneliti masalah tentang bagaimana pengiktirafan komuniti maya boleh menjadi sumber yang sahih dalam proses seseorang mentafsir pengalaman dan membuat kesimpulan tentang identiti diri. Persoalan ini perlu diteliti sebagai proses pemaknaan, tanpa

mengandaikan bahawa semua individu mengalami pengaruh yang sama atau mencapai kesimpulan yang serupa. Dalam konteks Malaysia, kajian Zuraidah dan rakan-rakan [2] menunjukkan kepentingan memahami pengalaman individu serta menyediakan bimbingan psikospiritual yang mengambil kira keadaan mereka secara masing-masing.

Persoalan tentang sumber kesahihan dan kewibawaan dari komuniti digital turut berkait dengan makna yang diberikan kepada tubuh. Apabila tafsiran tentang identiti dalaman menjadi rujukan utama untuk memahami diri, tubuh mungkin diubah bagi menyesuaikan dengan tafsiran yang disimpulkan. Oleh sebab itu, pengalaman emosi dan keadaan tubuh perlu dipertimbangkan dengan merujuk kepada hakikat insan, amanah kewujudan dan tujuan hidup. Kajian tempatan dalam konteks identiti keagamaan turut menunjukkan bahawa wacana dan komuniti digital dapat terlibat dalam pembentukan pemahaman seseorang tentang dirinya [3]. Bertitik tolak dari persoalan ini, artikel ini cuba untuk (i) mengenal pasti prinsip pemaknaan diri insan berdasarkan Risalah al-Nur; dan (ii) menganalisis pemaknaan pengalaman pembentukan makna diri dalam wacana disforia gender berpandukan prinsip tersebut.

1.3 Persekitaran Digital dan Makna Diri

Persekitaran digital bukan sekadar menyediakan akses kepada maklumat, malah membentuk ruang sosial untuk individu berinteraksi, berkongsi pengalaman dan menerima maklum balas. Interaksi ini boleh mempengaruhi cara seseorang memahami dan menyatakan identiti dirinya. Turkle [4] mengingatkan bahawa hubungan melalui teknologi turut mengubah cara manusia menampilkan diri dan berhubung dengan orang lain. Dalam kajian tentang belia LGBTQ, Craig dan McInroy [1] mendapati bahawa media baharu menyediakan ruang untuk meneroka serta mengungkap aspek identiti diri. Oleh itu, istilah dan kisah yang ditemui dalam talian boleh menjadi bahasa yang digunakan seseorang untuk menamakan pengalamannya.

Apabila sesuatu naratif dikongsi berulang kali dan menerima pengiktirafan komuniti, naratif tersebut berpotensi menjadi rujukan yang dianggap sahih dan berwibawa untuk mentafsir pengalaman diri. Namun, penerimaan sosial terhadap sesuatu tafsiran itu tidak semestinya tepat dan benar. Dalam perbincangan tentang penyebaran gagasan agama melalui media sosial di Malaysia, Mohd Khairul Naim [5] menekankan kepentingan menilai kandungan digital dari sudut sumber, pandangan alam dan kesan sosialnya. Sehubungan itu, penelitian tentang pembentukan makna diri perlu mengambil kira bukan sahaja pengalaman yang dikongsi, tetapi juga istilah, andaian dan sumber kewibawaan yang digunakan untuk mentafsirkannya. Dari perspektif pendidikan Islam, proses tersebut memerlukan pedoman agar makna diri dapat dinilai dan disimpulkan secara teliti berdasarkan pemahaman tentang hakikat insan dan tujuan kehidupannya berdasarkan neraca yang diberikan oleh Pencipta.

1.4 Pengalaman, Identiti dan Tubuh dalam Wacana Disforia Gender

Literatur klinikal membincangkan pengalaman berkaitan gender, identiti dan tubuh adalah berdasarkan tujuan yang berbeza. Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition, Text Revision (DSM-5-TR) menggunakan istilah disforia gender bagi merujuk kepada ketidakselarasan yang nyata antara gender yang dialami atau diekspresikan dengan gender yang ditetapkan serta keadaan tersebut disertai kesusahan atau gangguan fungsi yang signifikan secara klinikal (American Psychiatric Association [6]. Sebaliknya, International Classification of Diseases, Eleventh Revision (ICD-11) menggunakan istilah gender incongruence dan menempatkannya dalam kelompok keadaan yang berkaitan dengan kesihatan seksual, bukan dalam kelompok gangguan

mental, tingkah laku atau perkembangan saraf [7]. Standards of Care, versi kelapan (SOC8), pula menyediakan panduan penjagaan kesihatan yang mengambil kira kepelbagaian pengalaman dan keperluan individu transgender serta individu yang mempunyai kepelbagaian gender [8]. Perbezaan semua kerangka ini memperlihatkan bahawa istilah dan kategori yang digunakan bergantung pada tujuan diagnosis, klasifikasi isu atau penjagaan kesihatan [9]. Namun begitu, kerangka klinikal tersebut tidak menjawab persoalan ontologi tentang hakikat insan.

Dalam penulisan ini, pengalaman, tafsiran dan hakikat insan dibezakan sebagai tiga aras perbincangan. Aras pertama, iaitu pengalaman, merujuk penderitaan, keresahan atau ketidakselesaan yang dialami dan dilaporkan oleh individu berkaitan dengan gender dan tubuhnya. Penekanan DSM-5-TR terhadap kesusahan atau gangguan fungsi yang signifikan secara klinikal memberikan asas kepada perhatian terhadap dimensi pengalaman tersebut [6]. Aras kedua, iaitu tafsiran, merujuk kepada bahasa, naratif dan penjelasan yang digunakan untuk memberikan makna kepada pengalaman serta menghubungkan penjelasan tersebut dengan pemahaman tentang identiti diri. Kajian Cavalcante [10] memperlihatkan bagaimana ruang dalam talian menyediakan sumber penerokaan identiti, rasa kebersamaan dan sokongan dalam kehidupan individu transgender. Kajian tersebut memperlihatkan peranan naratif dan interaksi digital dalam pemahaman diri. Berasaskan konteks ini, pengalaman yang dilaporkan daripada penjelasan yang digunakan untuk memahami pengalaman tersebut tidak semestinya menunjukkan proses pemaknaan yang sama.

Aras ketiga, iaitu hakikat insan, merujuk kepada persoalan tentang siapakah manusia, apakah kedudukan tubuh dan bagaimana pengalaman peribadi ditempatkan dalam hubungan manusia dengan Allah SWT serta tujuan kewujudannya. Asas perbincangan ini diambil daripada kerangka pemikiran Islam yang menjadi landasan kajian. Dalam Kalimah Ketiga Puluh, bahagian Ana, membincangkan kesedaran diri sebagai amanah dan sebagai jalan untuk mengenali sifat-sifat Allah, sekali gus menempatkan pemahaman tentang diri dalam hubungan dengan Pencipta [11]. Ketiga-tiga aras ini iaitu pengalaman, tafsiran dan persoalan hakikat insan saling berkait, tetapi menjawab persoalan yang berbeza. Pengakuan terhadap pengalaman seseorang tidak memberikan makna muktamad tentang diri. Penilaian sesuatu tafsiran juga tidak bererti merendahkan kesukaran atau maruah individu yang mengalaminya. Dalam konteks Malaysia, pengalaman individu diambil kira dalam merancang dan melaksanakan bimbingan psikospiritual [1].

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, pembacaan tematik dan analisis konseptual. Bagi mencapai objektif pertama, korpus utama terdiri daripada lapan teks terpilih dalam Risalah Al-Nur iaitu Kalimah Kedua Puluh Tiga, Kalimah Ketiga Puluh (bahagian Ana), Maqam Kedua Kalimah Kedua Puluh Satu, Risalah Para Pesakit, Risalah Syukur, Pedoman Masa Muda, Risalah Buah dan Kalimah Kedua Puluh Sembilan. Teks tersebut dipilih secara bertujuan dengan menumpukan kepada teks yang membincangkan konsep diri manusia merangkumi perkara berkaitan pengalaman diri, hakikat insan, tubuh, penderitaan, tujuan kehidupan dan kebenaran. Pemilihan teks juga dipandu oleh perbincangan enam orang pakar Risalah Al-Nur.

Analisis bermula dengan mengenal pasti petikan yang menyentuh tema-tema yang dicari serta merekodkan judul, bahagian dan halaman berdasarkan edisi yang digunakan. Kod awal seperti ana, amanah, jasad, waswas, ujian dan harapan digunakan untuk memandu pembacaan. Kod tersebut kemudiannya disemak apabila hubungan makna yang lain dikenal pasti dalam teks. Perbandingan antara petikan dan kod dilakukan untuk membina tema serta merumuskan empat prinsip pemaknaan diri yang dinyatakan dalam abstrak. Penggunaan dokumen sebagai sumber data dan proses pembinaan tema masing-masing dirujuk kepada Bowen [12] serta Braun dan Clarke [13].

Bagi mencapai objektif kedua, kajian ini menggunakan korpus teras yang terdiri daripada empat penulisan ilmiah, iaitu Craig dan McInroy [4], Cavalcante [10] serta Buss *et al*., [14]. Korpus ini dipilih secara bertujuan daripada literatur yang dirujuk dalam kajian berdasarkan tumpuannya terhadap penerokaan dan pengurusan identiti berkaitan gender dalam persekitaran digital bagi golongan LGBTQ. Bahan dibaca dengan membezakan tiga aras analisis, iaitu pengalaman yang dilaporkan, tafsiran yang diberikan terhadap pengalaman tersebut dan andaian tentang hakikat insan yang mendasari tafsiran itu. Petikan yang relevan direkodkan bersama sumber dan lokasinya, kemudian dibandingkan untuk mengenal pasti persamaan serta perbezaan cara pengalaman diberikan makna. Andaian tentang diri dan tubuh hanya dirumuskan apabila mempunyai asas yang dapat dikenal pasti dalam teks.

Asas yang menghubungkan analisis ini dengan Risalah Al-Nur ialah persoalan tentang bagaimana pengalaman digunakan untuk membentuk pemahaman tentang diri. Tafsiran yang dikenal pasti dalam korpus digital dibincangkan berpandukan empat prinsip pemaknaan diri yang dirumuskan melalui objektif pertama. Prinsip tersebut menjadi kerangka untuk meneliti hubungan dengan Allah, perbezaan antara pengalaman dengan tafsiran, kedudukan tubuh sebagai amanah, serta pertimbangan tentang kebenaran dan tujuan kehidupan. Hubungan antara kedua-dua korpus dibina melalui analisis konseptual tidak bermaksud bahawa Risalah Al-Nur membincangkan disforia gender atau persekitaran digital secara langsung. Sintesis ini menghasilkan pedoman bagi refleksi diri, pembacaan kritis terhadap naratif digital dan dialog dalam pendidikan Islam, tanpa membuat penilaian klinikal atau mengukur keberkesanan pedoman tersebut.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Prinsip Utama Pemaknaan Diri Insan Berdasarkan Risalah Al-Nur

Analisis tematik terhadap lapan kelompok teks Risalah Al-Nur menghasilkan empat prinsip pemaknaan diri insan. Prinsip tersebut ialah mengenali diri melalui hubungan dengan Allah, membezakan pengalaman daripada tafsirannya, memahami tubuh dan penderitaan dalam kerangka amanah dan ujian, serta menilai makna diri menurut kebenaran dan tujuan kehidupan. Keempat-empat prinsip ini merupakan analisis awal kajian berdasarkan pembacaan bersama teks yang dipilih. Prinsip tersebut saling berkait kerana pemahaman tentang asal dan tujuan kewujudan mempengaruhi cara seseorang menilai pengalaman serta kedudukan tubuhnya.

Prinsip pertama diperoleh melalui pembacaan Kalimah Kedua Puluh Tiga dan Kalimah Ketiga Puluh (Ana). Kedua-dua teks ini menghubungkan kesedaran tentang diri dengan pengakuan terhadap Allah sebagai Pencipta [15]. Dalam kerangka ini, kemampuan manusia mengenali perasaan, fikiran dan tindakannya tidak bermakna manusia memiliki kuasa mutlak untuk menentukan hakikat kewujudannya. Kesedaran tentang kelemahan dan kebergantungan diri sebaliknya membuka ruang untuk memahami kemampuan manusia sebagai amanah [16]. Oleh itu, hubungan dengan Allah menjadi asas bagi menempatkan pengalaman peribadi dalam pemahaman diri yang lebih menyeluruh.

Prinsip kedua ialah pengalaman yang nyata perlu dibezakan daripada tafsiran terhadap pengalaman tersebut. Maqam Kedua Kalimah Kedua Puluh Satu membincangkan lintasan fikiran, waswas, khayalan, sangkaan, ilmu dan taṣdīq. Perbezaan antara konsep ini menunjukkan bahawa sesuatu yang hadir dalam kesedaran seseorang belum semestinya memberikan kesimpulan yang benar tentang dirinya [17]. Proses pemaknaan diri dengan itu melibatkan pengakuan terhadap apa yang dialami, penelitian terhadap bahasa yang digunakan untuk menjelaskannya dan penilaian terhadap asas tafsiran yang terhasil. Penelitian terhadap tafsiran tidak menafikan kesungguhan pengalaman atau kesukaran yang dirasai oleh individu.

Prinsip ketiga terhasil daripada pembacaan Risalah Para Pesakit dan Risalah Syukur. Kedua-dua teks ini meletakkan tubuh dalam hubungan dengan nikmat, tanggungjawab, kelemahan dan ujian [18]. Tubuh membolehkan manusia menjalani kehidupan serta melaksanakan amanahnya. Apabila seseorang mengalami kesakitan atau penderitaan, pengalaman itu memerlukan perhatian dan penjagaan yang sewajarnya. Pada masa yang sama, keadaan tubuh pada suatu ketika tidak merangkumi keseluruhan nilai diri insan [19]. Dalam kerangka ini, sabar dan syukur memberikan arah kepada cara seseorang menghadapi ujian tanpa menghapuskan keperluan untuk mengakui penderitaan yang dialaminya.

Prinsip keempat menempatkan makna diri dalam tujuan kehidupan yang melampaui keadaan semasa. Pedoman Masa Muda membincangkan hubungan antara dorongan, pilihan dan akibat perbuatan. Risalah Buah pula mengaitkan iman dengan harapan ketika manusia berhadapan dengan ketakutan dan kehilangan [19]. Kalimah Kedua Puluh Sembilan memperluas renungan tersebut kepada persoalan roh, kematian, kebangkitan dan akhirat. Pembacaan bersama ketiga-tiga teks ini menunjukkan bahawa tafsiran seseorang terhadap dirinya turut membentuk pilihan serta arah kehidupannya. Oleh itu, makna diri perlu dinilai berdasarkan kebenaran, tanggungjawab di dunia dan kesedaran tentang kehidupan akhirat.

Dapatan ini selari dengan perbincangan Rothman dan Coyle [20] yang mengemukakan model jiwa berasaskan tradisi Islam bagi memahami manusia melalui dimensi yang saling berhubung. Perbandingan tersebut membantu menjelaskan sumbangan prinsip pertama dan keempat. Makna diri tidak terbatas pada gambaran seseorang tentang dirinya pada suatu masa, tetapi turut melibatkan hubungannya dengan Allah dan tujuan kehidupannya. Walau bagaimanapun, empat prinsip dalam kajian ini kekal sebagai hasil analisis terhadap korpus Risalah al-Nur, bukannya prinsip yang diambil secara langsung daripada model Rothman dan Coyle.

Perbincangan tentang pengalaman dan penderitaan turut mendapat sokongan daripada kajian yang meneliti tulisan Nursi. Thomas [21] menunjukkan peranan bahasa dan ungkapan dalam Risalah Al-Nur untuk membina pemahaman yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi. Ahmad Nabil dan rakan-rakan [22] pula menghuraikan bagaimana Risalah Para Pesakit memberikan makna kepada pengalaman sakit melalui sabar, syukur, doa dan sokongan sosial. Kedua-dua artikel tersebut menguatkan kepentingan meneliti cara pengalaman diberi makna. Namun, kajian berkenaan tidak membuktikan keberkesanan empat prinsip yang dirumuskan di sini terhadap individu yang mengalami disforia gender. Sumbangan dapatan ini pada peringkat objektif pertama ialah menyediakan asas konseptual untuk analisis wacana yang dilaksanakan dalam objektif kedua.

3.2 Pedoman Risalah al-Nur bagi Pemaknaan Pengalaman Diri dalam Komuniti Disforia Gender di Media Sosial

Analisis penulisan ilmiah menunjukkan bahawa media sosial menyediakan istilah, kisah pengalaman dan hubungan komuniti yang dapat membantu individu memahami pengalaman berkaitan gender. Bahasa yang digunakan untuk menjelaskan ketidakselesaan juga boleh mempengaruhi kesimpulan tentang identiti diri. Cavalcante [10] menghuraikan peranan ruang dalam talian dalam penerokaan identiti transgender, manakala Buss *et al*., [14] menunjukkan bahawa pembentukan dan pengurusan identiti berlaku merentas platform media sosial. Berpandukan empat prinsip yang dirumuskan dalam Bahagian 3.1, kajian ini mengenal pasti pedoman untuk meneliti bagaimana pengalaman ketidakselesaan diberi makna dalam wacana tersebut.

Pedoman pertama ialah mendengar pengalaman individu dalam kerangka pemahaman insan yang menyeluruh. Ketidakselesaan yang dilaporkan perlu diakui sebagai pengalaman yang nyata kepada individu yang mengalaminya. Namun, dalam kerangka Risalah al-Nur, satu pengalaman atau

label tidak merangkumi keseluruhan makna diri. Hubungan manusia dengan Allah, kemampuan dan keterbatasannya, serta amanah kehidupan turut menjadi asas untuk memahami diri. Pedoman ini membolehkan pengalaman dibincangkan dengan empati sambil membuka ruang untuk meneliti persoalan tentang hakikat insan [23].

Pedoman kedua ialah membezakan pengalaman daripada tafsiran identiti yang diberikan kepadanya. Istilah dan kisah yang ditemui dalam komuniti digital boleh membantu seseorang mengungkapkan perasaannya. Walau bagaimanapun, keserupaan dengan pengalaman orang lain belum memastikan bahawa sebab dan makna pengalaman mereka juga sama [23]. Berpandukan pembacaan Maqam Kedua Kalimah Kedua Puluh Satu, kajian ini membezakan pengalaman yang dirasai, penjelasan yang digunakan untuk memahaminya dan kesimpulan yang dibuat tentang diri. Perbezaan ini membolehkan tafsiran diteliti tanpa menafikan pengalaman individu.

Pedoman ketiga ialah memahami tubuh dan penderitaan dalam kerangka amanah serta penjagaan. Pembacaan Risalah Para Pesakit dan Risalah Syukur meletakkan tubuh dalam keseluruhan kewujudan insan. Oleh itu, perbincangan tentang ketidakselesaan berkaitan tubuh perlu memberikan perhatian kepada kesukaran yang dialami individu dan tanggungjawab menjaga tubuh [11]. Pedoman ini menyediakan asas renungan tentang hubungan antara diri dan tubuh, tetapi tidak digunakan untuk membuat diagnosis atau menentukan keperluan rawatan seseorang.

Pedoman keempat ialah menimbang pengiktirafan komuniti menurut kebenaran dan tujuan kehidupan. Sokongan dalam talian boleh memberikan rasa diterima kepada individu yang sedang mencari bahasa untuk menjelaskan pengalamannya. Namun, rasa diterima dan kebenaran sesuatu tafsiran perlu dinilai sebagai dua persoalan yang berbeza. Berpandukan Pedoman Masa Muda, Risalah Buah dan Kalimah Kedua Puluh Sembilan, kajian ini menempatkan tafsiran tentang diri dalam pertimbangan yang lebih luas tentang pilihan, tanggungjawab, harapan dan tujuan hidup. Pengiktirafan komuniti mempunyai nilai sebagai sokongan sosial, tetapi pengulangannya tidak dengan sendirinya menetapkan kebenaran sesuatu kesimpulan tentang diri [15].

Secara konseptual, keempat-empat pedoman tersebut memperlihatkan pemaknaan diri sebagai proses yang melibatkan pengalaman, tafsiran dan tujuan hidup. Briki dan Amara [24] menghuraikan diri menurut perspektif Islam melalui hubungan antara fitrah, keadaan hati dan ujian kehidupan. Huraian mereka membantu menjelaskan mengapa sesuatu pengalaman yang kuat perlu difahami dalam kerangka kewujudan yang lebih luas. Dalam kajian ini, Risalah Al-Nur menyediakan asas untuk mengakui ketidakselesaan individu sambil meneliti tafsirannya melalui hubungan dengan Allah, kedudukan tubuh dan tujuan kehidupan. Hubungan antara kedua-dua kajian ini bersifat konseptual kerana Briki dan Amara tidak meneliti disforia gender atau komuniti media sosial.

Dapatan ini turut memberikan asas kepada dialog dalam Pendidikan Islam. Keshavarzi dan Haque [25] menekankan kepentingan memahami pengalaman serta pegangan agama seseorang dan membina hubungan yang menghormati keadaannya dalam bimbingan berasaskan Islam. Sehubungan itu, pedoman yang dirumuskan dalam kajian ini mencadangkan proses dialog yang memberi ruang kepada individu untuk menerangkan ketidakselesaannya, meneliti bahasa serta naratif digital yang digunakannya dan mempertimbangkan tafsiran tentang diri secara berperingkat. Pendidik berperanan membimbing refleksi tersebut dengan adab dan empati. Penilaian klinikal pula memerlukan kepakaran dan proses yang berbeza. Oleh sebab model Keshavarzi dan Haque [25] dibangunkan dalam konteks psikoterapi Muslim, kajian ini menggunakannya sebagai sokongan konseptual kepada pendekatan dialog dan tidak menganggapnya sebagai bukti keberkesanan pedoman ini terhadap individu yang mengalami disforia gender.

Secara keseluruhannya, dapatan kedua menghasilkan tertib pemaknaan yang bermula dengan mendengar pengalaman, mengenal pasti bahasa yang digunakan untuk menjelaskannya, memeriksa tafsiran yang terbentuk dan menilai tafsiran tersebut menurut hakikat insan serta tujuan kehidupan

[26]. Sintesis ini menjawab objektif kedua melalui analisis konseptual terhadap Risalah al-Nur dan penulisan ilmiah tentang pengalaman digital. Oleh sebab kajian ini tidak melibatkan pemerhatian langsung terhadap hantaran media sosial, maka dapatan yang diperolehi tidak digunakan untuk membuat kesimpulan tentang identiti individu tertentu atau hubungan sebab akibat antara penggunaan media sosial dengan disforia gender.

3.3 Implikasi Praktikal terhadap Pendidikan Islam

Berdasarkan empat prinsip pemaknaan diri yang dirumuskan daripada Risalah Al-Nur dan penerapannya terhadap wacana disforia gender di media sosial, kajian ini mengemukakan beberapa implikasi praktikal terhadap Pendidikan Islam. Implikasi tersebut tertumpu pada cara pendidik membimbing pelajar mengenali diri, menilai naratif digital, memahami tubuh dan membincangkan pengalaman yang sukar secara beradab [27]. Cadangan ini merupakan terjemahan pedagogi daripada dapatan konseptual kajian dan masih memerlukan penelitian lanjut dalam konteks pelaksanaan sebenar.

Pertama, dapatan kajian ini mencadangkan agar pendidikan tentang hakikat insan dihubungkan secara lebih langsung dengan persoalan yang dihadapi pelajar ketika memahami diri. Pembacaan Kalimah Kedua Puluh Tiga dan Kalimah Ketiga Puluh (Ana) menunjukkan bahawa kesedaran tentang perasaan, kemampuan dan keterbatasan diri perlu diletakkan dalam hubungan manusia dengan Allah. Dalam pengajaran, pendidik boleh memulakan perbincangan dengan meminta pelajar mengenal pasti pelbagai unsur yang membentuk pemahaman mereka tentang diri, termasuk pengalaman, tubuh, hubungan sosial, tanggungjawab dan tujuan hidup. Soalan seperti “Apakah yang saya alami?”, “Bagaimanakah saya memahami pengalaman itu?” dan “Apakah tanggungjawab saya dalam keadaan ini?” membolehkan pelajar bergerak daripada pemerhatian terhadap diri kepada refleksi yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini bertepatan dengan model jiwa yang dibincangkan oleh Rothman dan Coyle [20] yang menempatkan kefahaman tentang manusia dalam kerangka hubungan dengan Allah dan perkembangan jiwa. Implikasi praktikalnya ialah pendidik perlu menerangkan konsep insan melalui persoalan kehidupan yang dapat difikirkan oleh pelajar, di samping mendengar pengalaman mereka dengan teliti.

Kedua, prinsip membezakan pengalaman daripada tafsirannya boleh diterjemahkan kepada latihan literasi naratif digital dalam Pendidikan Islam. Dapatan kedua menunjukkan bahawa istilah, kisah peribadi dan respons komuniti dalam talian boleh membantu seseorang menjelaskan ketidakselesaan, tetapi turut mempengaruhi kesimpulan yang dibuat tentang dirinya. Pendidik boleh menyediakan bahan pembelajaran berbentuk kisah rekaan atau naratif, kemudian membimbing pelajar mengenal pasti tiga perkara secara berasingan. Perkara tersebut ialah pengalaman yang diceritakan, penjelasan yang diberikan kepada pengalaman itu dan kesimpulan tentang identiti yang terhasil. Pelajar seterusnya boleh diminta meneliti sumber sesuatu istilah, andaian yang terkandung dalam naratif dan alasan yang menyokong kesimpulannya. Latihan ini perlu dilaksanakan tanpa meminta pelajar mendedahkan pengalaman peribadi mereka di hadapan kelas. Dari sudut pendidikan, tujuannya ialah membina kebiasaan bertanya dan menimbang sebelum menerima sesuatu tafsiran sebagai pengetahuan yang muktamad.

Ketiga, prinsip tubuh sebagai amanah menuntut Pendidikan Islam membincangkan penjagaan diri dan penderitaan dengan bahasa yang berhati-hati. Risalah Para Pesakit dan Risalah Syukur menyediakan asas untuk memahami tubuh melalui nikmat, keterbatasan, ujian dan tanggungjawab. Dalam pengajaran, pendidik boleh membimbing pelajar meneliti bagaimana seseorang menjaga tubuh ketika berhadapan dengan kesakitan, perubahan atau ketidakselesaan, serta bagaimana dia mendapatkan bantuan yang diperlukan. Perbincangan tentang sabar, syukur dan ujian perlu disertai

pengakuan bahawa penderitaan boleh menjadi berat dan memerlukan sokongan. Oleh itu, penerangan teologi tidak wajar digunakan sebagai jawapan segera yang menutup ruang untuk individu menjelaskan kesukarannya. Ahmad Nabil dan rakan-rakan [22] menunjukkan bahawa pembacaan Nursi terhadap sakit merangkumi pemaknaan rohani serta sokongan sosial, dan mereka mengakui bahawa cadangan terapeutik berasaskan teks tersebut memerlukan pengesahan empirikal. Bagi Pendidikan Islam, implikasinya ialah menyediakan ruang refleksi yang beradab, menggalakkan penjagaan diri dan membantu pelajar mendapatkan bantuan profesional apabila keperluannya melampaui peranan pendidik.

Keempat, empat pedoman kajian ini boleh dijadikan asas latihan dialog untuk pendidik Pendidikan Islam yang berhadapan dengan persoalan identiti dan makna diri. Dialog boleh disusun secara berperingkat dengan mendengar pengalaman pelajar, meminta penjelasan tentang istilah yang digunakannya, meneliti tafsiran yang terbentuk dan membincangkan persoalan tentang amanah, kebenaran serta tujuan kehidupan. Susunan ini memberikan pendidik arah perbualan tanpa mengandaikan bahawa setiap pelajar mempunyai pengalaman atau keperluan yang sama. Pendidik juga perlu dilatih untuk bertanya dengan jelas, menghormati maruah pelajar, menjaga kerahsiaan dan mengenal pasti bila sokongan daripada kaunselor atau pengamal kesihatan diperlukan. Keshavarzi dan Haque [25] menekankan kepentingan memahami pegangan agama serta membina hubungan yang menghormati keadaan individu dalam pendekatan berasaskan Islam. Dalam konteks kajian ini, pandangan tersebut menyokong cadangan dialog yang beradab, tetapi tidak boleh dianggap sebagai bukti bahawa pedoman yang dirumuskan telah berkesan bagi individu yang mengalami disforia gender. Pelaksanaan dan kesan pendidikan bagi cadangan ini perlu diteliti melalui kajian lapangan pada peringkat seterusnya.

4. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan makna diri melibatkan pengalaman yang dirasai serta cara pengalaman tersebut ditafsirkan. Analisis terhadap lapan kelompok teks Risalah al-Nur menghasilkan empat prinsip pemaknaan diri insan, iaitu mengenali diri melalui hubungan dengan Allah, membezakan pengalaman daripada tafsirannya, memahami tubuh dan penderitaan dalam kerangka amanah serta ujian, dan menilai makna diri menurut kebenaran serta tujuan kehidupan. Prinsip-prinsip ini menyediakan asas untuk mengakui pengalaman individu sambil meneliti kesimpulan yang dibina daripadanya. Apabila prinsip tersebut digunakan untuk menganalisis penulisan ilmiah tentang wacana disforia gender pada era digital, kajian ini mengenal pasti kepentingan bahasa, naratif dan pengiktirafan komuniti dalam proses seseorang memahami pengalaman ketidakselesaannya. Pedoman Risalah al-Nur mencadangkan agar pengalaman itu didengar dengan empati, manakala tafsirannya ditimbang dalam pemahaman yang menyeluruh tentang insan, tubuh dan tujuan kehidupan. Sumbangan kajian ini kepada pendidikan Islam ialah kerangka konseptual untuk membimbing refleksi diri, literasi naratif digital dan dialog berperingkat secara beradab.

Penghargaan
Penulis merakamkan penghargaan kepada Rafulin Holdings Sdn. Bhd. atas pembiayaan penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Industri Universiti Teknologi MARA, nombor geran 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (046/2024).

Rujukan

[1] Craig, Shelley L., and Lauren McInroy. "You can form a part of yourself online: The influence of new media on identity development and coming out for LGBTQ youth." *Journal of gay & lesbian mental health* 18, no. 1 (2014): 95-109. https://doi.org/10.1080/19359705.2013.777007.

[2] Abdullah, Zuraidah, Che Zarrina Sa'ari, and Lee Wei Chang. "Transgenderisme di Malaysia: pelan bimbingan kembali kepada fitrah dari perspektif psikospiritual Islam: Transgenderism in Malaysia: Guide plan back to fitrah from Islamic psychospiritual perspective." *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 20, no. 2 (2018): 279-322.

[3] Razali, Kauthar, Nurhanisah Senin, Nur Syahirah Mohammad Nasir, Muhammad Hafizuddin Ghani, and Susana Aditiya Wangsanata. "Digital Doubt and Gendered Moral Policing: Social Media's Role in Malay Atheist Identity Formation and Its Theological Implications." *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 27, no. 2 (2025): 381-426. https://doi.org/10.22452/afkar.vol27no2.12.

[4] Turkle, Sherry, and Laural Merlington. *Alone together*. Tantor Media, Incorporated, 2011.

[5] Nordin, Mohd Khairul Naim Che. "Sinkritasi Ajaran Sesat dan Teori Konspirasi di Media Sosial Menurut Perspektif Pemikiran Islam: Synchronization of Deviant Teachings and Conspiracy Theories on Social Media according to the Perspective of Islamic Thought." *Jurnal Usuluddin* 52, no. 2 (2024): 1-34. https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no2.1.

[6] American Psychiatric Association. 2022. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. 5th ed., text rev. Washington, DC: American Psychiatric Association Publishing. https://doi.org/10.1176/appi.books.9780890425787.

[7] World Health Organization. 2022. *ICD-11 for Mortality and Morbidity Statistics: 2022 Release*. https://icd.who.int/browse/2022-02/mms/en.

[8] Coleman, Eli, Asa E. Radix, Walter P. Bouman, George R. Brown, Annelou LC De Vries, Madeline B. Deutsch, Randi Ettner et al. "Standards of care for the health of transgender and gender diverse people, version 8." *International journal of transgender health* 23, no. S1 (2022): S1-S259.https://doi.org/10.1080/26895269.2022.2100644.

[9] Crocq, Marc-Antoine. "How gender dysphoria and incongruence became medical diagnoses–a historical review." *Dialogues in clinical neuroscience* 23, no. 1 (2021): 44-51.https://doi.org/10.1080/19585969.2022.2042166.

[10] Cavalcante, Andre. "'I Did It All Online:' Transgender identity and the management of everyday life." In *Queer Technologies*, pp. 109-122. Routledge, 2017.https://doi.org/10.1080/15295036.2015.1129065.

[11] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-a. "Kalimah Kedua Puluh Sembilan." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/kalimah-kalimah/kalimah-kedua-puluh-sembilan.

[12] Bowen, Glenn A. "Document analysis as a qualitative research method." *Qualitative research journal* 9, no. 2 (2009): 27-40. https://doi.org/10.3316/QRJ0902027.

[13] Braun, Virginia, and Victoria Clarke. 2022. *Thematic Analysis: A Practical Guide*. London: SAGE Publications.

[14] Buss, Justin, Hayden Le, and Oliver L. Haimson. "Transgender identity management across social media platforms." *Media, Culture & Society* 44, no. 1 (2022): 22-38. https://doi.org/10.1177/01634437211027106.

[15] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-b. "Kalimah Kedua Puluh Tiga." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/kalimah-kalimah/kalimah-kedua-puluh-tiga-dwPhaq.

[16] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-c. "Kalimah Ketiga Puluh." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/kalimah-kalimah/kalimah-ketiga-puluh.

[17] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-f. "Risalah Syukur." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/tongkat-nabi-musa/risalah-syukur.

[18] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-g. "Risalah untuk Para Pesakit: Kilauan Kedua Puluh Lima." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/risalah-untuk-para-pesakit/risalah-untuk-para-pesakit-kilauan-kedua-puluh-lima.

[19] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-h. "Sinaran Kesebelas: Risalah Buah." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/tongkat-nabi-musa/sinaran-kesebelas-risalah-buah.

[20] Rothman, Abdallah, and Adrian Coyle. "Toward a framework for Islamic psychology and psychotherapy: An Islamic model of the soul." *Journal of religion and health* 57, no. 5 (2018): 1731-1744. https://doi.org/10.1007/s10943-018-0651-x.

[21] Thomas, Nur Sakinah. "The Role of Nursi's Risale-i Nur in Psychological Wellbeing." *Malaysian Journal of Medicine & Health Sciences* 15, no. SP1 (2019): 37. https://medic.upm.edu.my/upload/dokumen/201904291555336_0324%28Final%296.pdf.

[22] Nabil, MR Ahmad, M. F. M. Tahir, Nur Sakinah Thomas, and Hakan Gülerce. "Said Nursi's psycho-spiritual therapy for psychological reactions of patients with physical illnesses." *IIUM Medical Journal Malaysia* 18, no. 3 (2019).https://doi.org/10.31436/imjm.v18i3.209.

[23] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-e. "Pedoman Masa Muda: Perbualan dengan Beberapa Orang Pemuda yang Dikelilingi Godaan Fitnah yang Mempesona tetapi Belum Hilang Kewarasan." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/pedoman-masa-muda/perbualan-dengan-beberapa-orang-pemuda-yang-dikelilingi-godaan-fitnah-yang-mempesona-tetapi-belum-hilang-kewarasan.

[24] Briki, Walid, and Mahfoud Amara. "Perspective of Islamic self: Rethinking Ibn al-Qayyim's three-heart model from the scope of dynamical social psychology." *Journal of Religion and Health* 57, no. 3 (2018): 836-848. https://doi.org/10.1007/s10943-017-0414-0.

[25] Keshavarzi, Hooman, and Amber Haque. "Outlining a psychotherapy model for enhancing Muslim mental health within an Islamic context." *International Journal for the Psychology of Religion* 23, no. 3 (2013): 230-249. https://doi.org/10.1080/10508619.2012.712000.

[26] Nursi, Bediuzzaman Said. n.d.-d. "Maqam Kedua Kalimah Kedua Puluh Satu." *Risalah Online*. https://risalahonline.com/ms/risalah-iman-dan-solat/maqam-kedua-kalimah-kedua-puluh-satu.

[27] McInroy, Lauren B., and Shelley L. Craig. "Transgender representation in offline and online media: LGBTQ youth perspectives." *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 25, no. 6 (2015): 606-617. https://doi.org/10.1080/10911359.2014.995392.